



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN & REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## **GARIS PANDUAN BAGI PEMBAKARAN TERBUKA**

- 1) Memaklumkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat mengenai tarikh dan jam aktiviti pembakaran sebelum pembakaran dilakukan.
- 2) Pembakaran hendaklah dilakukan apabila kualiti udara dicatat dibawah Tahap PSI 50, iaitu dalam keadaan **BAIK**. Pembakaran tidak dibenarkan jika kualiti udara melebihi PSI 50. (Tahap kualiti udara boleh didapati daripada laman sesawang [www.env.gov.bn](http://www.env.gov.bn)).
- 3) Pembakaran hanya dibenarkan dilakukan antara jam **10:00 pagi hingga 4.00 petang**.
- 4) Penggunaan apa jua bahan daripada getah seperti tayar atau plastik sebagai penyala api adalah **DITEGAH**.
- 5) Tebasan hutan, dahan-dahanan dan kayu-kayuan tersebut hendaklah dalam keadaan kering sebelum pembakaran dibuat.
- 6) Setiap perunan (dahan-dahanan dan kayu-kayuan) yang hendak dibakar hendaklah dibahagikan kepada beberapa longgokkan (sekitar **20 kaki padu setiap longgokkan**).
- 7) Pihak Tuan hanya dibenarkan untuk membakar **dua(2) longgokkan sehari** (mengikut kesesuaian dari pengeluaran asap pembakaran berkenaan).
- 8) Pembakaran hendaklah jauh dari kawasan jalan raya (sekurang-kurangnya 1km dari tepi jalan raya utama), untuk menghindarkan dari menjejaskan penglihatan pengguna jalan raya.
- 9) Pemantauan dan kawalan perlu dilakukan bagi memastikan pembakaran tidak merebak ke kawasan berhampiran.
- 10) Jika kegiatan pembakaran tersebut menyebabkan kesan yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keselesaan orang awam ianya hendaklah diberhentikan dengan serta-merta.